

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, August 2, 2018 2:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kejohanan Sukan Staf Universiti Lahir Bakat Baharu Dalam Sukan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

2 OGOS 2018 / 20 ZULKAEDAH 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

KEJOHANAN SUKAN STAF UNIVERSITI LAHIR BAKAT BAHARU DALAM SUKAN



UUM ONLINE: Penganjuran Kejohanan Sukan Staf Universiti Utara Malaysia (UUM) saban tahun menjadi medan melahirkan ramai bakat baharu dalam kalangan staf universiti untuk diketengahkan dalam kejohanan sukan.

Pengarah Pusat Sukan, Dr Mohammad Zaki Ahmad berkata, bakat kesukanan mereka itu harus ditonjolkan supaya mereka dapat mewakili universiti dalam mana-mana kejohanan sukan staf yang dianjurkan.

Menurutnya, mereka bukan sahaja memberi sumbangan melalui kerja hakiki, malah di luar bidang kerja untuk mengharumkan nama dan meningkatkan imej UUM dalam bidang sukan.

"Kejohanan ini diharap menjadi platform untuk memastikan UUM terus unggul dalam kejohanan sukan yang lebih besar dan memupuk budaya bersukan dalam kalangan warga universiti," katanya pada Majlis Penutup Kejohanan Sukan Staf UUM 2018 di Pusat Sukan, pagi tadi.

Beliau turut menerima bendera kontinjen UUM daripada Pengerusi Jawatankuasa Sukan MKSK, Prof Madya Dr Sobri Don sebagai simbolik ke Kejohanan Sukan Staf Universiti Awam (SUKUM) yang akan berlangsung pada 10 hingga 18 Ogos di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kejohanan yang bermula sejak April dan berakhir Mei lalu menyaksikan kontinjen Mokhtar Dahari muncul juara dengan memperolehi 90 mata, diikuti Nurul Huda (75 mata), Nicol David dan Misbun Sidek berkongsi kedudukan dengan kutipan 74 mata dan tempat terakhir Jegathesan (62 mata).

Turut berlangsung acara merentas kampus yang dimenangi kontinjen Nicol David, seterusnya Mokhtar Dahari dan diikuti Misbun Sidek, Jegathesan dan Nurul Huda serta penyerahan hadiah kepada pemenang cabutan bertuah dan khemah kontinjen terbaik.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.